



PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

Bil. 44

Isnin

13 November 2017

KANDUNGAN

UCAPAN DI BAWAH USUL BEKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Masalah Kesesakan Lalu Lintas Di Persimpangan
Lampu Isyarat NPE Dengan Jalan Templer, PJ**
– YB. Tuan Hee Loy Sian (*Petaling Jaya Selatan*) [Halaman 1]
- **Pengalaman Adik Neo Joe Yee di Hospital Pantai,
Batu Pahat**
– YB. Puan Teo Nie Ching (*Kulai*) [Halaman 3]

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA**

Isnin, 13 November 2017

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Masalah Kesyakan Lalu lintas Di Persimpangan Lampu Isyarat NPE
Dengan Jalan Templer, Petaling Jaya**

2.34 ptg.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah Kesyakan Lalu lintas Di Persimpangan Lampu Isyarat NPE Dengan Jalan Templer, Petaling Jaya. Izinkan saya merujuk kepada kesyakan yang setiap hari dialami di simpang lampu isyarat New Pantai Expressway (NPE) dan Jalan Templer sehingga menimbulkan banyak masalah kepada pengguna jalan raya. Punca utama timbul masalah ini ialah rancangan pembinaan jejambat menuju Jalan Gasing yang menghubungkan NPE ke Jalan Templer. Kesyakan berada tahap yang amat teruk terutama sekali pada waktu orang ramai ke tempat kerja di antara tujuh pagi ke sembilan pagi dan pulang pada jam lima petang hingga sembilan malam.

Saya ingin merujuk kepada pihak kementerian mengenai statistik purata penggunaan jalan raya di persimpangan NPE, Jalan Templer setiap hari pada waktu puncak dan pada waktu-waktu biasa. Menurut jawapan lisan Dewan Rakyat yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri pada 8 November 2017 lalu, saya berpandangan solusi yang dicadangkan itu hanya untuk jangka pendek.

Saya tidak menafikan bahawa pihak kementerian ada menyediakan anggota polis trafik bagi mengawal kesyakan tetapi ianya berakhir pada pukul tujuh petang manakala selepas ketiadaan anggota polis trafik, jalan Templer kembali sesak teruk sehingga jam sembilan malam. Kesyakan ini juga mendatangkan masalah kepada penduduk di sekitar Jalan Templer, iaitu PJ Old

Town kerana mengalami kesukaran untuk keluar masuk dari rumah akibat kesesakan yang dialami setiap hari.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, huraian tersebut tidak memberikan kesan kepada penyelesaian masalah ini. Pembinaan jejambat NPE ke Jalan Gasing yang dibina pihak NPE mungkin dapat menyelesaikan masalah pengguna jalan raya yang ingin melencong ke Jalan Gasing tetapi akibat daripada itu, Jalan Gasing menuju ke Jalan Templer mengalami kesesakan teruk iaitu di persimpangan NPE - Jalan Templer.

Pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) cuba untuk mengurangkan beban pengguna jalan raya dengan memperuntukkan sebanyak RM5 juta bagi mengubah bulatan Jalan Othman ke persimpangan lampu isyarat di antara Jalan Othman dan Jalan Gasing tetapi kuasa pengubahsuaian adalah terhad hingga ke persimpangan Jalan Othman sahaja manakala jalan yang selanjutnya sehingga ke persimpangan NPE adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

Pihak LLM tidak seharusnya berdiam diri dengan masalah yang dialami sekian lama kerana syarikat konsesi NPE perlu mengambil tanggungjawab terutama sekali tol dikutip setiap hari bagi pengguna jalan raya yang melalui jalan tersebut. Salah satu penyelesaian yang boleh dicadangkan kepada pihak LLM ialah dengan membina terowong dari Jalan Templer melalui NPE menuju ke Subang Jaya. Satu lagi cara ialah dengan membina jalan alternatif di Jalan Penchala yang menuju ke Lebuhraya NPE iaitu melalui Seksyen 2 dan Seksyen 51, Petaling Jaya. Apakah kekangan yang mungkin dialami sekiranya cadangan ini dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

2.37 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, kementerian ini mengambil maklum akan keperluan jejambat seperti yang pernah dicadangkan sebelum ini dalam jawapan kementerian ini kepada Ahli Yang Berhormat pada 8 November 2016 tetapi sebaliknya pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) hanya memperuntukkan sebanyak RM5 juta seperti yang dimaklumkan oleh Ahli Yang Berhormat untuk mengubah bulatan Jalan Othman ke persimpangan lampu isyarat Jalan Othman dan Jalan Gasing.

Langkah ini didapati masih tidak dapat menyelesaikan masalah penyuraian trafik di kawasan tersebut. Sehubungan itu, kementerian ini berpandangan pihak MBPJ perlulah mengadakan perbincangan lanjut dengan

pihak Kerajaan Negeri Selangor untuk menambah baik sistem jaringan dan aliran trafik jalan-jalan dalam perbandaran sedia ada.

Di samping itu, bagi mengurangkan impak kesesakan di Lebuhraya NPE, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah mengarahkan pihak konsesi lebuhraya untuk melaksanakan beberapa langkah proaktif seperti melaksanakan laluan terus dua hala pada waktu puncak bagi jam 6.30 pagi hingga 9 pagi di Persimpangan Lampu Isyarat Othman walaupun kawasan tersebut berada di luar had sempadan Lebuhraya NPE.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung dengan cadangan pembinaan terowong dari Jalan Templer melalui NPE menuju ke Subang Jaya dan jalan alternatif di Jalan Penchala yang menuju ke Lebuhraya NPE, terdapat beberapa kekangan di pihak kerajaan untuk melaksanakan cadangan tersebut kerana ianya akan melibatkan kos yang tinggi dan tiada di dalam skop Perjanjian Konsesi asal. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Pengalaman Adik Neo Joe Yee di Hospital Pantai, Batu Pahat

2.40 ptg.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab jumlah pesakit yang semakin meningkat di hospital kerajaan, sebahagian pesakit juga menerima rawatan di hospital swasta. Seiring dengan perkhidmatan dan kemudahan kesihatan yang disediakan oleh hospital swasta, kejadian kes-kes kecuaiian turut mengalami peningkatan yang mendadak.

Kecuaiian perubatan (*medical negligence*), dengan izin, oleh hospital atau pusat rawatan bukanlah satu perkara yang asing lagi berlaku di negara kita. Kecuaiian perubatan ataupun perkhidmatan yang substandard meninggalkan kesan yang besar sehingga dikatakan ada yang mengalami kecacatan kekal kepada mangsa pesakit atau ada yang membawa kepada kematian.

Baru-baru ini terdapat satu kes, di mana ibu bapa adik Neo Joe Yee amat tidak berpuas hati dengan perkhidmatan Hospital Pantai di Batu Pahat dan mengesyaki bahawa terdapat kecuaiian yang menyebabkan kematian anak mereka.

Pada 24 April 2017, adik Neo Joe Yee mengalami demam dengan mencatat peningkatan suhu badan sekitar 39 darjah *Celsius*. Justeru itu, pihak keluarga telah menghantar adik Neo Joe Yee ke hospital berdekatan iaitu di Hospital Pantai, Batu Pahat untuk mendapatkan rawatan.

Selepas empat jam mendapat rawatan daripada pihak hospital berkenaan, bapa kepada adik Neo Joe Yee terkejut setelah melihat keadaan

bibir anaknya bertukar menjadi warna ungu dan anggota badan anaknya mula mempunyai kesan lebam.

Pada sebelah malam pula, keadaan anaknya semakin parah dengan peningkatan suhu badannya mencecah kepada 41 darjah *Celsius* dan pada sebelah pagi pula anaknya mula muntah- muntah.

Keadaan ini semakin merunsingkan pihak keluarga adik Neo Joe Yee dan membuat keputusan untuk mendapatkan rawatan di Hospital Sultanah Ismail, Batu Pahat. Selepas 11 hari mendapatkan rawatan, adik Neo Joe Yee meninggal dunia.

Pihak keluarga mangsa tidak berpuas hati dengan mutu perkhidmatan dan kaedah rawatan yang diberikan oleh Hospital Pantai, Batu Pahat yang disyaki cuai dan lewat dalam memberi rawatan dalam menyelamatkan anak perempuan mereka.

Surat meminta KKM menjalankan siasatan terperinci terhadap insiden ini juga telah dihantarkan kepada Ketua Pengarah Kesihatan pada 29 Jun 2017, setelah pendamaian antara pihak hospital dan pengadu gagal.

Soalan saya kepada KKM:

- (i) bagaimana dengan hasil kes siasatan mengenai kes kematian adik Neo Joe Yee yang dilakukan oleh KKM;
- (ii) apa tindakan yang diambil terhadap Hospital Pantai, Batu Pahat yang tidak mematuhi Aturan 40(5) Peraturan-peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006, iaitu gagal memaklumkan pengadu yang tidak berpuas hati dengan jawapan mereka bahawa pengadu itu boleh merujuk perkara itu secara bertulis kepada Ketua Pengarah; dan
- (iii) berapa aduan telah diterima oleh KKM mengenai kes-kes kecuai perubatan ataupun perkhidmatan yang substandard sejak 2010 yang melibatkan hospital swasta dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap hospital yang terlibat.

Sekian sahaja, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

2.44 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kulai. Tuan Yang di-Pertua, ada tiga soalan dalam perkara ini.

Soalan pertama, bagaimana dengan hasil kes siasatan mengenai kes kematian adik Neo Jo Yee yang dilakukan oleh KKM? Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah menerima maklumat pada 13 Jun 2017 berkaitan aduan yang dibuat oleh bapa pesakit yang tersebut di atas dan ambil maklum bahawa pihak hospital sedang menjalankan siasatan terhadap aduan berkenaan.

Kementerian telah mengeluarkan surat bertarikh 16 Jun 2017 kepada pihak hospital bagi mendapatkan laporan perubatan pesakit berkenaan dan status terkini pengendalian aduan tersebut. Susulan itu, kementerian melalui surat bertarikh 27 Julai 2017 kepada pihak hospital, telah memohon salinan rekod perubatan pesakit dan minit perbincangan di antara pihak hospital dan ibu bapa pesakit pada 18 Mei, 9 Jun dan 14 Jun 2017.

Maklum balas pihak hospital bertarikh 15 Ogos 2017 mengatakan bahawa penjelasan berkaitan pengurusan klinikal dan rawatan bagi pesakit telah diberikan oleh pakar pediatrik terlibat, tiada penyelesaian dapat dicapai dalam semua perbincangan yang telah diadakan dan bapa pesakit mengemukakan hasrat berkaitan tuntutan ganti rugi kewangan terhadap pihak hospital.

Soalan yang kedua, apakah tindakan yang diambil terhadap Hospital Pantai, Batu Pahat yang tidak mematuhi Aturan 40(5) Peraturan-peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006, iaitu gagal memaklumkan pengadu yang tidak berpuas hati dengan jawapan mereka bahawa pengadu itu boleh merujuk perkara itu secara bertulis kepada Ketua Pengarah? Tuan Yang di-Pertua, pihak hospital perlu mematuhi peraturan-peraturan yang sedia ada dan sekiranya pihak hospital gagal mematuhi arahan yang diberikan, tindakan perundangan bawah Akta 586 boleh dikenakan terhadap pihak hospital.

Soalan yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, berapa aduan telah diterima oleh KKM mengenai kes-kes kecuai perubatan ataupun perkhidmatan yang *substandard* sejak 2010 yang melibatkan hospital swasta dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap hospital yang terlibat? Tuan Yang di-Pertua, hospital-hospital swasta di Malaysia dikawal dan dikawal selia (*control and regulated*) oleh kementerian melalui penguatkuasaan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*]. Melalui implementasi akta ini, aduan-aduan berkaitan hospital swasta boleh dikategorikan kepada aduan terhadap:

- (i) perkhidmatan yang diberikan (termasuk isu yang dikaitkan dengan kecuaiian dalam penyampaian perkhidmatan perubatan atau perawatan);
- (ii) kemudahan atau *facility* yang disediakan; dan
- (iii) personel yang terlibat dalam penyediaan kemudahan atau perkhidmatan yang diadukan.

Jumlah aduan yang diterima berkaitan penyampaian perkhidmatan oleh hospital-hospital swasta di seluruh Malaysia adalah sebanyak 449 kes sejak tahun 2015 sehingga 23 Oktober 2017. Sekiranya hasil siasatan mendapati bahawa terdapat kemungkinan berlakunya kecuaiian dan atau isu berkaitan tata etika dalam penyampaian perkhidmatan perubatan atau perawatan oleh mana-mana personel jagaan kesihatan, pihak pengadu akan dimaklumkan supaya membuat aduan kepada badan-badan profesional personel jagaan kesihatan yang terlibat atau memfailkan kes sivil bagi kes kecuaiian berkenaan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Selasa, 14 November 2017.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.48 petang]